


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
06 SEPT 2016
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	GAJI LEBIH UTAMA	2
UTUSAN MALAYSIA	YAYASAN PBT BANTU TRANSFORMASI SOSIAL – MB	3



HARIAN METRO

**■ CUEPACS
balas
cadangan
MTUC untuk
kurangkan
waktu bekerja
kepada
6 jam sehari**

Siti Farahiyah Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur **ftm**
6/9/16

Kenaikan kadar upah kaktitangan awam sepatutnya dikaji dan diperimbangkan semula bagi menampung kos sara hidup kini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

Datuk Aziz Muda berkata, jumlah jam bekerja lapan jam bagi penjawat awam bukan satu isu besar kerana tempoh itu sudah termasuk satu jam waktu re-

Gaji lebih utama

hat dan kecemasan lain.

"Kita tidak boleh membandingkan negara kita yang sedang membangun ini dengan negara berstatus negara maju kerana berdasarkan keperluan kim penjawat awam lebih memerlukan peningkatan kadar pendapatan berbanding pengurangan masa kerja.

"Daripada segi produktiviti pekerja, Dasar Pandang ke Timur yang dimulakan di Jepun dan Korea perlu diperlakukan kerana budaya kerja mereka boleh membantu meningkatkan motivasi kepada pekerja awam dalam negara untuk terus mengamalkan budaya kerja berproduktiviti tinggi," katanya, semalam.

Demikian pandangan CUEPACS mengenai canda-


ng Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk mengurangkan waktu bekerja dalam sehari di negara ini kerana waktu kerja panjang akan memberi kesan buruk kepada produktiviti pekerja.

Aziz berkata, kerajaan Sweden memendekkan waktu bekerja bagi mengurangkan tekanan tenaga kerjanya dan menambahkan waktu riadah bersama keluarga.

"Walaupun negara tem-poh bekerja negara berke-naan hanya enam jam, ia tidak mempengaruhi kos sara hidup kerana kadar pendapatan mereka seiring dengan peningkatan pelbagai cukai yang dikenakan.

"Berbeza dengan negara kita yang mana kebanyak-an pekerja mengalami tekanan disebabkan oleh pendapatan tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup sehingga perlu berhutang," katanya.

FAKTA
jumlah jam
bekerja lapan jam
bagi penjawat
awam bukan satu
isu besar



UTUSAN MALAYSIA

UM 6/9/16

Yayasan PBT bantu transformasi sosial - MB

JOHOR BAHRU 5 Sept. - Sebanyak 14 yayasan yang ditubuhkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini perlu berfungsi sebagai platform membantu rakyat dalam usaha melakukan transformasi sosial di kawasan masing-masing.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, keperluan dan kebaikan mereka perlu diberikan perhatian supaya nasib terbelah terutama di kawasan bandar yang berdepan dengan kos sara hidup tinggi.

"Jadikan 14 yayasan milik PBT ini sebagai wadah membantu mereka. Contohnya Yayasan Pasir Gudang (YPG) mewujudkan pusat tuisyen selain memberikan tambang bas sekolah dan kelengkapan persekolahan percuma untuk pelajar kurang

berkemampuan.

"Pihak yayasan juga memberikan bantuan kepada penduduk yang miskin, ibu tunggal, orang kurang upaya dan pesakit kronik tanpa mengira kaum. YPG antara yang paling aktif daripada 14 yayasan milik PBT di negeri ini," katanya selepas menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidiladha melibatkan peruntukan RM40,000 kepada 200 penerima dalam kawasan Parlimen Pasir Gudang dan Tebrau di Dewan Taman Cendana, Pasir Gudang, dekat sini baru-baru ini.

Daripada jumlah

itu, 261 penerima adalah daripada komuniti Melayu, 18 komuniti Cina, 11 komuniti India dan sembilan penerima lagi daripada komuniti Sabah dan Sarawak yang bermaustautin di negeri ini.

